

MAKNA *WAW 'AṬF* DALAM SURAH AL-RŪM

Muhammad Hakim Kamal & Mohamad Hussin

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian teks yang memfokuskan kepada penggunaan *waw 'aṭf* dalam surah al-Rūm. Kajian ini bertujuan untuk melihat petanda dan makna *waw 'aṭf* dalam ayat berkaitan. Dalam melakukan analisis, enam ayat yang dipetik daripada surah al-Rūm diambil sebagai bahan kajian. Fokus kajian ialah petanda dan makna *waw 'aṭf* yang terdapat dalam ayat kajian. Dalam melakukan kajian ini teori Ibn Qayyim (t.t) dan teori Ibn Hisyām (2013) digunakan. Kajian mendapati *waw 'aṭf* kaya dengan makna dengan pelbagai petanda maknanya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *waw 'aṭf* dalam ayat kajian sebahagiannya digunakan dengan makna turutan, sebahagiannya dengan makna turutan berlawanan dan ada juga yang digunakan dengan makna bersama.

Kata kunci: nahu, *waw 'aṭf*, petanda dan makna, surah al-Rūm.

THE MEANING OF THE *WAW 'AṬF* IN SURAH AL-RŪM

ABSTRACT

*This study is a text study that focuses on the use of *waw 'aṭf* in surah al-Rūm. The purpose of this study is to look at the sign and meaning of *waw 'aṭf* in the related sentence. In doing this analysis, the six verses quoted from surah al-Rūm were taken as a study material. The focus of the study is the sign and meaning of *waw 'aṭf* in the related sentence. In doing this study Ibn Qayyim theory (t.t) and Ibn Hisyām theory (2013) are used. The study found that *waw 'aṭf* is rich in meaning with various signs. The findings of the study show that *waw 'aṭf* in the study sentence is partly used with the meaning of the sequence, partly with the meaning of reverse order and some also used with meaning together.*

Keywords: *syntax, *waw 'aṭf*, sign and meaning, surah al-Rūm.*

PENDAHULUAN

Setiap pemilihan partikel, perkataan dan struktur ayat al-Quran mempunyai rahsia dan sebab tertentu dan tidak boleh ditukar ganti dengan selainnya. Inilah yang dinamakan linguistik rabbani yang

mempunyai ciri ketahanan, keseimbangan dan kesesuaian untuk diterap dalam kajian bahasa manusia (Munif, 2015:3).

Kata tugas *'atf* dalam bahasa Arab kerap digunakan sama ada dalam pertuturan mahupun penulisan. Kata tugas berkenaan merupakan salah satu unit tatabahasa yang penting untuk menggabungkan antara dua elemen. Elemen pertama dinamakan *ma'tūf 'alayh* dan elemen kedua dinamakan *ma'tūf*. Waw merupakan salah satu daripada partikel *'atf* dan memiliki beberapa ciri keistimewaan yang membezakannya dengan partikel *'atf* lain. Contohnya, waw *'atf* dikenali sebagai partikel *'atf* induk kerana perbincangan mengenai *'atf* lebih tertumpu kepada waw dan partikel waw merupakan kata tugas *'atf* yang paling banyak digunakan (Ibn Sīdah, 1996:217).

PERMASALAHAN KAJIAN

Sarjana-sarjana nahu berpendapat bahawa waw *'atf* berfungsi untuk menghimpunkan antara *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* semata-mata (الْجَمْعُ الْمُطْلَقُ) (al-Murādiy, 1992:158). Waw *'atf* berfungsi sedemikian apabila tiada petanda (الْقَرِينَةُ) yang menunjukkan makna-makna selainnya. Contohnya ayat وَصَلَ الْقَطَارُ وَالسَّيَّارَةُ (Kereta api dan kereta itu telah tiba). Berdasarkan ayat di atas, waw *'atf* berfungsi menggabungkan antara *ma'tūf 'alayh* (kereta api) dengan *ma'tūf* (kereta) semata-mata dalam makna yang dikehendaki iaitu ketibaan (الْوَصُولُ). Partikel waw *'atf* berkenaan tidak memberi makna turutan (التَّرْتِيبُ) atau turutan berlawanan (التَّرْتِيبُ الْعَكْسِيُّ) atau bersama (المُصَاحَبَةُ) dan kekal bermaksud menghimpunkan semata-mata kecuali dengan wujudnya petanda yang menunjukkan makna-makna lain (Ḥasan, 1974, jil. 3:558-559).

Sekiranya terdapat petanda, waw *'atf* juga boleh berfungsi menunjukkan salah satu daripada makna berikut iaitu turutan, turutan berlawanan atau bersama. Ibn Hisyām (2013: 328) berpendapat bahawa jika disebut جَاءَ زَيْدٌ وَعَمْرٌو (Zaid dan 'Amr telah datang), maka pernyataan ini bermaksud mereka terlibat dalam perbuatan datang. Namun, ayat ini mempunyai tiga kemungkinan dari sudut maknanya iaitu:

- 1) Mereka datang secara bersama iaitu Zaid dan 'Amr datang bersama.
- 2) Mereka datang secara berturut iaitu Zaid datang sebelum 'Amr.
- 3) Mereka datang secara turutan berlawanan iaitu 'Amr datang terlebih dahulu sebelum Zaid.

Kemungkinan makna yang dikehendaki dapat diketahui sekiranya terdapat petanda yang menunjukkan maknanya.

Menurut al-Murādiy (1992: 158-159) sebahagian sarjana menyatakan bahawa waw 'aṭf datang dengan makna turutan sahaja. Pandangan ini disandarkan kepada Quṭrub, Tha'lab, al-Zāhid, Ghulām Tha'lab, al-Raba'iy, Hisyām dan al-Dinawriy. Namun begitu, sebahagian sarjana Nahu menolak pandangan ini. Antaranya ialah Ibn 'Aqīl (1980, jil. 3:226). Hujah beliau ialah Allah S.W.T. berfirman:

﴿إِنْ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا...﴾

Terjemahan: ((Kehidupan) hanyalah kehidupan kami di dunia ini, kami (orang kafir) mati dan kami hidup (di dunia)...) (surah al-Mu'minūn 23:37)

Sekiranya waw 'aṭf dalam ayat menunjukkan makna turutan, sudah pasti kata-kata ini menunjukkan kepada kepercayaan orang kafir terhadap kebangkitan selepas kematian kerana kehidupan yang dimaksudkan daripada perkataan نُحْيَا (kehidupan) adalah kehidupan selepas kematian iaitu hari kebangkitan. Namun, konteks ayat, makna dan keadaan orang kafir menunjukkan kepada keingkaran mereka terhadap hari kebangkitan. Oleh yang demikian, (kehidupan) yang dimaksudkan dalam kata-kata mereka dalam ayat ini ialah kehidupan yang mereka jalani semasa di dunia iaitu kehidupan sebelum kematian. Justeru, hal ini menjelaskan bahawa waw 'aṭf dalam ayat berkenaan tidak memberikan makna turutan" (Ibn 'Aqīl, 1980, jil. 3:26).

Namun begitu, menurut Ibn Hisyām (2013: 328) waw 'aṭf yang terkandung dalam ayat di atas mengandungi makna turutan berlawanan. Hal ini kerana makna yang difahami daripada ayat berkenaan berdasarkan gabungan antara ma'tūf 'alayh (kematian) dengan ma'tūf (kehidupan) ialah 'kami (orang kafir) mati dan kami hidup di dunia'. Namun, seperti yang dimaklumi, manusia menjalani kehidupan di dunia terlebih dahulu sebelum mereka mati. Oleh yang demikian, makna sebenar yang dikehendaki daripada ayat di atas berdasarkan petanda dan makna waw 'aṭf ialah 'kami (orang kafir) hidup di dunia dan kami mati' iaitu dengan andaian نَحْيَا وَنَمُوتُ.

Ibn Hisyām (2013: 328) berpendapat bahawa waw 'aṭf juga berkemungkinan memberi makna bersama. Contohnya firman Allah S.W.T.:

﴿فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَصْحَابَ السَّفِينَةِ...﴾

Terjemahan: (Maka Kami (Allah) menyelamatkan nabi Nuh dan penumpang-penumpang bahtera itu...) (surah al-‘Ankabūt 29:15).

Waw ‘aṭf yang terletak antara rangkaian kata *فَأَلَّجَيْنَاهُ* (Kami (Allah) menyelamatkan nabi Nuh) dan rangkaian kata *أَصْحَابَ السَّفِينَةِ* (penumpang-penumpang bahtera itu) tidak memberi makna turutan mahupun turutan berlawanan, namun waw ‘aṭf berkenaan mengandungi makna bersama iaitu Allah menyelamatkan nabi Nuh a.s bersama pengikut-pengikutnya (Ibn Hisyām, 2010, jil. 2:757).

Dapatan ini menunjukkan pengaruh petanda dan makna waw ‘aṭf dalam memberikan makna sebenar ayat. Kefahaman yang baik terhadap petanda dan makna waw ‘aṭf akan membantu menginterpretasikan makna sebenar setiap ayat terbabit.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Dalam melakukan penganalisan data kajian, kaedah kepustakaan digunakan. Data-data terkumpul diambil daripada enam contoh ayat yang terdapat dalam surah al-Rūm. Data kajian dianalisis menggunakan sumber perkamusan, kitab syarahan al-Quran, buku, tesis serta jurnal yang berkaitan. Dalam melakukan analisis, waw ‘aṭf dikeluarkan dengan merujuk kepada kitab fleksi al-Quran yang muktabar. Analisis dijalankan ke atas waw ‘aṭf dalam surah al-Rūm serta ruang lingkup yang berkaitan dengannya termasuk ma‘tūf ‘alayh dan ma‘tūf. Peringkat analisis dimulai dengan menerapkan teori waw ‘aṭf oleh Ibn Qayyim (t.t). Pendekatannya melibatkan penentuan petanda-petanda yang wujud iaitu masa (*الزَّمَانُ*), keadaan semula jadi (*الطَّبْعُ*), sebab (*السَّبَبُ*), susunan (*الرُّتْبَةُ*) dan kemuliaan serta kesempurnaan (*الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ*).

Peringkat analisis seterusnya membincangkan penentuan makna waw ‘aṭf dalam surah al-Rūm. Perbincangan ini berpandukan pendekatan yang dibawa oleh Ibn Hisyām (2013) iaitu waw ‘aṭf boleh berfungsi menunjukkan salah satu daripada makna berikut iaitu turutan, turutan berlawanan atau bersama. Pendekatan ini akan membawa kepada kefahaman terhadap kepelbagaian penggunaan makna waw ‘aṭf dalam surah al-Rūm.

'Aṭf Dalam Bahasa Arab

Salah satu bentuk tābi' dalam bahasa Arab ialah 'aṭf. 'Aṭf bermaksud menggabungkan antara perkataan dengan perkataan sama ada yang berbentuk kata nama atau kata kerja yang mana ma'tūf akan mengikuti ma'tūf 'alayh dari sudut hukum dan i'rāb (al-Lādaqiy, 2016: 162-163). 'Aṭf boleh dibahagikan kepada dua iaitu 'aṭf bayān dan 'aṭf nasq.

Sekiranya tābi' berfungsi menjelaskan matbū' jika tābi' adalah ma'rifah dan berfungsi mengkhususkan matbū' sekiranya tābi' adalah nakirah, maka tābi' berkenaan dinamakan 'aṭf bayān. Contoh aṭf bayān ma'rifah ialah *قَالَ الْمَلِكُ دَبَّشَلِيمَ لِلْفَيْسُوفِ بَيِّنًا* (Raja Dabsyalīm telah berkata kepada ahli falsafah Baydabā). Perkataan *دَبَّشَلِيمَ* merupakan 'aṭf bayān ma'rifah yang menjelaskan matbū' iaitu perkataan *الْمَلِكِ*. Berdasarkan 'aṭf bayān berkenaan, dapat difahami bahawa raja yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah Raja Dabsyalīm. Contoh aṭf bayān nakirah pula ialah *أَكَلْتُ فَاكِهَةً* (Aku telah memakan buah epal). Perkataan *فَاكِهَةً* merupakan aṭf bayān nakirah yang mengkhususkan jenis buah yang telah dimakan oleh penutur.

'Aṭf nasq pula terjadi apabila wujudnya partikel 'aṭf yang terletak antara tābi' dan matbū'nya (Ibn Hisyām, 2008, jil. 2: 112). Hal ini kerana 'aṭf kategori ini menggunakan kata tugas sebagai alat penghubung. Contohnya: *مَرَرْتُ بِزَيْدٍ فَعَمَّرُوهُ* (Aku melintasi Zaid lalu aku melintasi 'Amr). Ayat ini mengandungi elemen 'aṭf nasq kerana terdapat partikel /ف/ fā' yang menggabungkan antara matbū' (Zaid) dengan tābi' ('Amr).

Waw dalam Partikel 'Aṭf Nasq

Waw dianggap sebagai partikel 'aṭf paling asas kerana partikel ini hanya mewajibkan perkongsian hukum antara dua elemen yang digabungkan dengannya sementara partikel-partikel 'aṭf lain mewajibkan makna tambahan selain daripada perkongsian (Ballfuḍayl, 2017:114). Contohnya, partikel /ف/ fā' datang dengan makna penangguhan (النَّعْقِبُ) (Ḥardān, 2008), partikel /ثُمَّ/ thumma datang dengan makna kenduran masa (التَّرَاخِي) (Muḥammad, 2009) dan sebagainya. Partikel waw digunakan untuk menggabungkan antara ma'tūf 'alayh dengan ma'tūf dari sudut hukum dan i'rāb (al-Ghalāyīniy, 2015:680).

Makna asal yang terkandung dalam waw 'aṭf ialah *مُطَلَّقُ الْجَمْعِ* (menghimpunkan semata-mata) tanpa syarat (Ḥardān, 2008:163; al-Ṭawīl, 2009:86; Muḥammad, 2009; 'Alī, 2014:94; Ballfuḍayl, 2017:114). Walaupun begitu, waw 'aṭf berkemungkinan datang dengan

makna turutan, turutan berlawanan atau bersama jika wujudnya petanda yang menunjukkan makna-makna berkenaan. (Ḥardān, 2008:163). Contohnya: جَاءَ عَلِيٌّ وَخَالِدٌ (Ali dan Khalid telah datang). Partikel waw dalam ayat ini menggabungkan antara Ali dengan Khalid lalu menyebabkan perkongsian hukum iaitu (datang) dan i‘rābnya iaitu kasus nominatif. Namun, tiada petanda yang menunjukkan Ali datang terlebih dahulu sebelum Khalid, atau sebaliknya atau mereka datang secara bersama.

Dalam perbincangan ilmu balaghah, waw ‘aṭf berkait dengan perbincangan ilmu ma‘āniy iaitu perbincangan waṣl yang memfokuskan kepada kaedah penyambungan ayat (Zahazan, 2001). Waw juga merupakan partikel ‘aṭf terbanyak digunakan dalam al-Quran (Ḥardān, 2008:162; al-Talab, 2012). Dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian ‘Amāyirat (1988) yang menegaskan bahawa penggunaan lebih dari 1500 kali waw ‘aṭf dalam al-Quran. Waw juga merupakan partikel ‘aṭf terbanyak digunakan dalam surah al-Baqarah iaitu sebanyak 546 (Rokiah, 2006; Muḥammad, 2009).

Waw merupakan partikel ‘aṭf terbanyak digunakan dalam surah al-Kahfi iaitu sebanyak 119 (Md Isa, 2009). Dari sudut ujaran bahasa Arab, waw juga adalah partikel ‘aṭf terbanyak digunakan berbanding partikel ‘aṭf lain iaitu sebanyak 85.20% (Ballfuḍayl, 2017). Waw juga pada kebiasaannya digabungkan dengan kata hubung lain seperti لا، إِمَّا، dan لَكِنَّ (Ḥardān, 2008).

Petanda Makna Waw ‘Aṭf

Menurut Ibn Qayyim (t.t), terdapat 5 petanda makna waw ‘aṭf iaitu:

1- Petanda masa (الرَّمَانُ) iaitu merujuk kepada sesuatu perkara sama ada telah, sedang atau akan berlaku pada masa akan datang (Ibn Qayyim, t.t). Jika masa ma‘ṭūf ‘alayh mendahului masa ma‘ṭūf, maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan. Contohnya, firman Allah S.W.T.:

﴿فَإِنْ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنْذَرْتُكُمْ صَاعِقَةً مِثْلَ صَاعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ﴾

Terjemahan: (Jika mereka berpaling, maka katakanlah: “Aku telah memberi amaran kepada kamu akan (bencana) petir seperti petir yang menimpa kaum ‘Ād dan kaum Thamūd”) (surah Fuṣṣilat 41:13).

Ma‘ṭūf ‘alayh dalam ayat ini ialah perkataan عَادٍ (kaum ‘Ād) dan ma‘ṭūf ialah perkataan ثَمُودَ (kaum Thamūd). Bencana dalam bentuk petir

ditimpakan oleh Allah S.W.T. kepada kaum ‘Ād terlebih dahulu sebelum bencana berkenaan menimpa kaum Thamūd. Hal ini kerana kaum ‘Ād hidup sebelum zaman kaum Thamūd (Ibn Hisyām, 2013). Oleh yang demikian, ayat berkenaan mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan pada perkataan *وَتَمُودَ*.

Walaupun begitu, sekiranya masa *ma‘tūf* mendahului masa *ma‘tūf ‘alayh*, maka ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan. Sepertimana firman Allah S.W.T.:

﴿كَذَلِكَ يُوحِي إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾

Terjemahan: (Demikianlah Allah yang maha perkasa lagi maha bijaksana mewahyukan kepada engkau (nabi Muhammad) dan kepada orang-orang sebelum engkau) (surah al-Syūrā 42:3).

Ma‘tūf ‘alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata *يُوحِي إِلَيْكَ* (Allah mewahyukan kepada kamu (nabi Muhammad)) dan *ma‘tūf* ialah rangkai kata *إِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ* (kepada orang-orang sebelum kamu). Pemberian wahyu kepada utusan-utusan Allah S.W.T. sebelum nabi Muhammad berlaku sebelum Allah S.W.T. memberikan wahyu kepada baginda s.a.w. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَأِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ*.

Namun, jika masa *ma‘tūf ‘alayh* dan masa *ma‘tūf* berlaku pada tempoh yang sama, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna bersama. Allah S.W.T. berfirman:

﴿فَعَدَّ آتَيْنَا آلَ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَآتَيْنَاهُمْ مُلْكًا عَظِيمًا...﴾

Terjemahan: (...Sesungguhnya Kami (Allah) telah memberikan kitab dan hikmah kepada keluarga Ibrahim dan Kami telah memberikan kepada mereka kerajaan yang besar) (surah al-Nisā’ 4:54).

Ma‘tūf ‘alayh dalam ayat ini ialah perkataan *الْكِتَابَ* (kitab) dan *ma‘tūf* ialah perkataan *الْحِكْمَةَ* (hikmah). Menurut al-Ṭabariy (1994, jil. 2:458) perkataan *الْكِتَابَ* dalam ayat berkenaan bermaksud kitab Allah S.W.T. yang diberikan kepada keturunan nabi Ibrahim seperti kitab Zabur dan kitab Taurat. Manakala perkataan *الْحِكْمَةَ* pula bermaksud segala jenis wahyu yang diberikan kepada mereka selain daripada kitab. Pemberian wahyu berbentuk kitab dan selain daripadanya berlaku kepada keturunan

nabi Ibrahim pada tempoh masa yang sama (al-Ṭabariy (1994, jil. 2:458). Justeru, hal ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna bersama pada rangkai kata وَالْحِكْمَةَ.

2- Petanda keadaan semula jadi (الطَّبْعُ) iaitu merujuk kepada suatu keadaan atau konsep semula jadi yang tidak menunjukkan kepada proses atau peringkat tertentu dan terjadi sepertimana kebiasaannya (Ibn Qayyim, t.t). Contohnya konsep semula jadi bagi susunan angka, keadaan umum sesuatu perkara mendahului keadaan khususnya dan sebagainya pada kebiasaannya. Jika konsep ma'tūf 'alayh mendahului konsep ma'tūf, maka ini melibatkan petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan. Contohnya firman Allah S.W.T.:

﴿فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنًا وَثُلَاثًا﴾

Terjemahan: (...maka nikahilah perempuan (lain) yang kamu senang: berdua, bertiga...) (surah al-Nisā' 4:3).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan مَثْنًا (berdua) dan ma'tūf ialah perkataan ثُلَاثًا (bertiga). Ma'tūf 'alayh dan ma'tūf masing-masing melibatkan konsep semula jadi dan kebiasaan bagi susunan angka. Oleh yang demikian, konsep ma'tūf 'alayh (berdua) mendahului konsep ma'tūf (bertiga), maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَثُلَاثًا. Namun begitu, jika konsep ma'tūf mendahului konsep ma'tūf 'alayh, maka ini mengisyaratkan kepada petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan berlawanan. Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

﴿وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنَافِعُ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ﴾

Terjemahan: (Dan Dia telah menciptakan binatang ternak untuk kalian, padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan beraneka ragam manfaat (kegunaan)) (surah al-Nahl 16:5).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan دِفْءٌ ((bulu) yang menghangatkan) dan ma'tūf ialah perkataan مَنَافِعُ (beraneka ragam manfaat). Menurut al-Syarbīniy (1971, jil. 2:244) ayat ini menceritakan tentang manfaat binatang ternakan seperti unta, lembu, kambing dan sebagainya. Ma'tūf 'alayh ((bulu) yang menghangatkan) mengisyaratkan kepada manfaat binatang ternakan secara khusus iaitu sebagai pakaian yang menghangatkan pemakainya manakala ma'tūf (beraneka ragam manfaat) mengisyaratkan kepada semua jenis manfaat binatang ternakan. Justeru konsep manfaat ma'tūf berkenaan bersifat umum. Kebiasaannya ciri umum sesuatu konsep mendahului ciri khususnya (Ibn Qayyim, t.t,

gil. 1:64). Oleh yang demikian hal ini mengisyaratkan kepada petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَمَنَافِعٍ.

3- Petanda sebab (السَّبَبُ) iaitulah merujuk kepada sebab dan punca sesuatu perkara serta kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan (Ibn Qayyim, t.t). Elemen sebab mendahului elemen kesan. Justeru jika ma'tūf 'alayh ialah sebab kepada sesuatu perkara dan ma'tūf pula kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan, maka hal ini menunjukkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan. Sepertimana firman Allah S.W.T.:

﴿إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ﴾

Terjemahan: (... Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri) (surah al-Baqarah 2:222).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ (sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat) dan ma'tūf ialah rangkai kata يُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ (Allah menyukai orang yang menyucikan diri). Ma'tūf 'alayh (sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat) didahulukan ke atas ma'tūf (Allah menyukai orang yang menyucikan diri) kerana taubat merupakan sebab dan punca kesucian dan kebersihan seseorang. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ.

Namun begitu, jika ma'tūf 'alayh ialah kesan yang terhasil daripada sebab sesuatu perkara dan ma'tūf ialah sebab kepada kesan berkenaan, maka ini menunjukkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan. Misalnya, Allah S.W.T. berfirman:

﴿فَلَنُفَصِّنَّ عَلَيْهِم بِعِلْمٍ ۖ وَمَا كُنَّا غَائِبِينَ﴾

Terjemahan: (Kemudian Kami (Allah) pasti akan menceritakan kepada mereka (rasul-rasul dan umat-umat mereka), berdasarkan pengetahuan (yang meliputi apa yang mereka lakukan) dan sememangnya Kami tidak sekali-kali ghaib (bahkan sentiasa mendengar, melihat dan mengetahui akan urusan kehidupan mereka) (surah al-A'rāf 7:7).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata فَلَنُفَصِّنَّ عَلَيْهِم بِعِلْمٍ dan ma'tūf ialah مَا كُنَّا غَائِبِينَ. Menurut al-Rāziy (1981, gil. 14:25) rangkai kata

فَلَنُقْصِنَنَّ عَلَيْهِمْ بِعِلْمٍ menjelaskan bahawa Allah S.W.T. akan memperlihatkan kepada umat manusia segala perbuatan yang dilakukan oleh mereka sama ada tersembunyi atau terang jelas. Hal ini kerana Allah S.W.T. tidak akan ghaib, bahkan Dia maha mendengar, melihat dan mengetahui tentang segala urusan kehidupan manusia dan hal ini dijelaskan melalui ma'tūf (مَا كُنَّا غَائِبِينَ) dalam ayat ini. Ma'tūf berkenaan menjelaskan sebab manakala ma'tūf 'alayh (فَلَنُقْصِنَنَّ عَلَيْهِمْ بِعِلْمٍ) pula menjelaskan kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan. Justeru, hal ini mengisyaratkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَمَا كُنَّا غَائِبِينَ.

4- Petanda susunan (الرُّتْبَةُ) iaitulah merujuk kepada perlakuan atau peristiwa yang mengisyaratkan kepada cara, proses atau peringkat yang mempunyai susunannya. Susunan ini dikesan berpusatkan kepada tahap sesuatu perkara, kuantiti, jarak dan sebagainya (Ibn Qayyim, t.t). Misalnya, tahap rendah ke tahap tinggi, jarak dekat ke jarak jauh dan kuantiti yang sedikit ke kuantiti yang banyak. Sekiranya susunan ma'tūf 'alayh mendahului susunan ma'tūf, maka hal ini melibatkan petanda susunan yang memberi makna turutan. Contohnya firman Allah S.W.T.:

﴿...يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ...﴾

Terjemahan: (...nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang unta yang kurus...)
(surah al-Hajj 22:27).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan رِجَالًا (berjalan kaki) dan ma'tūf ialah rangkai kata عَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ (menunggang unta yang kurus). Ma'tūf 'alayh (berjalan kaki) mendahului ma'tūf (menunggang unta yang kurus) kerana golongan yang datang ke Mekah untuk mengerjakan haji dalam keadaan berjalan kaki itu datang dari kawasan yang berdekatan dengannya. Manakala golongan yang menggunakan pengangkutan (menunggang unta yang kurus) untuk mengerjakan haji, mereka datang dari kawasan yang jauh dari Mekah. Susunan jarak ma'tūf 'alayh (berjalan kaki) ke Mekah lebih dekat berbanding dengan susunan jarak ma'tūf (menunggang unta yang kurus) yang menggunakan pengangkutan iaitu jauh. Justeru, hal ini mengisyaratkan kepada petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ.. Namun, sekiranya susunan ma'tūf mendahului susunan ma'tūf 'alayh, maka ini melibatkan petanda susunan yang memberi makna turutan berlawanan pada waw 'aṭf. Sebagai contoh, Allah S.W.T. berfirman:

﴿ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ...﴾

Terjemahan: (Kemudian Kami (Allah) menjadikan al-Quran diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami; maka antara mereka ada fasiq yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengendahkan ajaran al-Quran) dan antaranya ada yang bersikap sederhana dalam beragama...) (surah Fāṭir 35:32).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata *مِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ* (antara mereka ada fasiq yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri) dan *ma'tūf* ialah rangkai kata *مِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ* (antaranya ada yang bersikap sederhana dalam beragama). Menurut al-Zamakhshariy (2009:886) rangkai kata (orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami) dalam ayat ini merujuk kepada umat nabi Muhammad s.a.w. Rangkai kata *ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ* bermaksud fasiq yang mengingkari perintah Allah S.W.T. manakala perkataan *مُّقْتَصِدٌ* dalam ayat berkenaan bermaksud golongan yang bercampur amalan kebaikan dan keburukannya. *Ma'tūf 'alayh* (antara mereka ada fasiq yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri) mendahului *ma'tūf* (antaranya ada yang bersikap sederhana dalam beragama) kerana terdapat ramai golongan fasiq berbanding dengan golongan yang bersikap sederhana dalam beragama (al-Zamakhshariy 2009:886). Justeru, susunan kuantiti *ma'tūf 'alayh* lebih banyak berbanding dengan susunan kuantiti *ma'tūf*. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda susunan yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ*.

5- Petanda kemuliaan serta kesempurnaan (*الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ*) iaitu merujuk kepada sesuatu perkara yang lebih mulia dan lebih afdal daripada yang lain (Ibn Qayyim, t.t). Jika kemuliaan *ma'tūf 'alayh* melebihi kemuliaan *ma'tūf*, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan. Sepertimana firman Allah S.W.T.:

﴿فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا﴾

Terjemahan: (...iaitu kalau orang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari tuhan mereka dan kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?) (surah al-Baqarah 2:26).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah ayat *فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ* (iaitu kalau orang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa

perbandingan itu benar dari tuhan mereka) yang melibatkan orang beriman dan ma‘ṭūf ialah ayat *أَمْ الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا* (kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?) yang melibatkan orang kafir. Orang beriman lebih mulia dan lebih tinggi kedudukannya berbanding dengan orang kafir (al-Suyūṭiy, 1988, jil. 1:132; al-Mablagh, 2003, jil. 1:409). Oleh yang demikian, kemuliaan ma‘ṭūf ‘alayh dalam ayat berkenaan melebihi kemuliaan ma‘ṭūf, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada waw ‘aṭf dalam ayat ini. Namun begitu, sekiranya kemuliaan ma‘ṭūf melebihi kemuliaan ma‘ṭūf ‘alayh, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan berlawanan. Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

﴿مَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ﴾

Terjemahan: (...tidak akan lenyap daripada pengetahuan tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-seringan yang ada di bumi dan tidak juga di langit...) (surah Yūnus 10:61).

Ma‘ṭūf ‘alayh dalam ayat ini ialah klausa *مَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ* (tidak akan lenyap daripada pengetahuan tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-seringan yang ada di bumi) dan ma‘ṭūf ialah rangkai kata *لَا فِي السَّمَاءِ* (tidak juga di langit). al-Nawawiy dalam al-Munāwiy (1972, jil. 1:506) berkata: “majoriti ulama berpandangan bahawa langit lebih mulia berbanding dengan bumi”. Oleh yang demikian kemuliaan ma‘ṭūf (langit) dalam ayat di atas melebihi kemuliaan ma‘ṭūf ‘alayh (bumi), maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَلَا فِي السَّمَاءِ*.

DAPATAN KAJIAN

Ayat 1

Firman Allah S.W.T.:

﴿يَنْصُرُ اللَّهُ يَنْصُرُ مَن يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ﴾

Terjemahan: (Dengan kemenangan yang diberi oleh Allah. Dia memberikan kemenangan kepada siapa yang Dia kehendaki dan Dialah jua yang maha perkasa lagi maha penyayang) (surah al-Rūm 30:5).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw ‘atf yang menggabungkan antara rangkai kata *يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ* (ma‘tūf ‘alayh) dengan rangkai kata *هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ* (ma‘tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ* berfungsi sebagai pelengkap ayat kerana kemenangan yang dimaksudkan di dalamnya adalah kemenangan secara umum. Hal ini difahami berdasarkan maf’ūl bih iaitu rangkai kata *يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ* (Ibn ‘Āsyūr, 1984, jil. 21:47). Ayat berkenaan menjelaskan bahawa kemenangan yang dicapai oleh Rom dan orang Islam (ma‘tūf ‘alayh) adalah disebabkan sifat maha perkasa Allah S.W.T. dan sifat maha penyayangNya (ma‘tūf).

Menurut Ibn Qayyim (t.t, jil. 1:62) elemen sebab mendahului elemen kesan. Oleh kerana elemen ‘atf dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan sebab dan kesan, iaitu sifat maha perkasa Allah S.W.T. dan sifat maha penyayangNya (ma‘tūf) adalah sebab kepada kemenangan Rom dan orang Islam (ma‘tūf ‘alayh), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ*.

Ayat 2

Allah S.W.T. berfirman:

﴿أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى﴾

Terjemahan: (Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang sebenar dan dalam waktu yang tertentu...) (surah al-Rūm 30:8).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw ‘atf yang menghubungkan antara ma‘tūf ‘alayh iaitu perkataan *السَّمَاوَاتِ* (langit) dengan ma‘tūf iaitu perkataan *الْأَرْضِ* (bumi) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat ini menjelaskan tentang penciptaan langit, bumi dan makhluk-makhluk ciptaan Allah S.W.T. yang membuktikan kewujudan, keesaan dan kekuasaanNya. Penciptaan langit dan bumi telah diceritakan oleh Allah S.W.T. dengan terperinci dalam al-Quran. Menurut Sa‘īd Hawwā (1985, jil. 1:109) proses penciptaan langit berlaku pada 13.7 bilion tahun dahulu dan proses penciptaan bumi berlaku pada 4 setengah juta tahun dahulu.

al-Ghayliy (2015: 238) berpendapat bahawa langit pertama yang diciptakan oleh Allah S.W.T. sebelum menjadikannya kepada tujuh lapisan berlaku sebelum penciptaan bumi. Langit pertama yang merupakan langit dunia diceritakan dalam al-Quran dengan menggunakan pola mufrad (السَّمَاءُ) manakala tujuh lapisan langit diceritakan dengan menggunakan pola jamak (السَّمَاوَاتُ). Danial (2014: 58-59) menegaskan bahawa penciptaan langit mempunyai fasa-fasa tertentu. Dianggarkan langit pertama diciptakan sejak 13.7 bilion tahun dahulu. Setelah itu diciptakan bintang-bintang, planet-planet di langit dan proses ini disusuli pula dengan penciptaan bumi (ma'tūf). Kemudian, tujuh lapisan langit diciptakan sesudahnya (ma'tūf 'alayh).

Elemen 'atf dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan tempoh masa penciptaan dua tanda kekuasaan Allah S.W.T. iaitu penciptaan tujuh lapisan langit dan bumi. Oleh kerana tujuh lapisan langit (ma'tūf 'alayh) diciptakan sesudah kewujudan bumi (ma'tūf), maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan pada perkataan وَالْأَرْضَ.

Dalam ayat ini juga terdapat penggunaan waw 'atf yang menggabungkan antara perkataan السَّمَاوَاتِ (ma'tūf 'alayh) dengan rangkai kata مَا بَيْنَهُمَا (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Sya'rāwiy (1972: 11318) rangkai kata مَا بَيْنَهُمَا bermaksud penciptaan makhluk di langit seperti penciptaan planet, orbit, bintang-bintang dan sebagainya. Penciptaan makhluk di langit (ma'tūf) berlaku sebelum tujuh lapisan langit diciptakan (ma'tūf 'alayh) (Danial, 2014; al-Ghayliy, 2015). Oleh kerana penciptaan makhluk di langit (ma'tūf) berlaku sebelum tujuh lapisan langit (ma'tūf 'alayh) dicipta, maka terdapat petanda masa dengan makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَمَا بَيْنَهُمَا.

Ayat 3

Firman Allah S.W.T.:

﴿يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ نُخْرِجُكُمْ﴾

Terjemahan: (Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup dan menghidupkan bumi setelah mati (kering) dan seperti itulah kamu akan dikeluarkan) (surah al-Rūm 30:19).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw 'atf yang menggabungkan antara rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (ma'tūf 'alayh) dengan rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* bermaksud Allah S.W.T. mengeluarkan manusia daripada mani, dan mengeluarkan burung daripada telur. Rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* pula bermaksud Allah S.W.T. juga mengeluarkan mani daripada manusia dan mengeluarkan telur daripada burung (al-Maḥaliy, 2010:406). Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd sepertimana yang dinukilkan oleh al-Alūsiy (2008, jil. 4:30) mengatakan bahawa rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* dan *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* adalah contoh kehidupan dan kematian. Justeru, rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (ma'tūf 'alayh) membawa maksud kehidupan manakala rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* (ma'tūf) membawa maksud kematian.

Namun begitu, aspek kehidupan (ma'tūf 'alayh) lebih mulia berbanding dengan aspek kematian (ma'tūf) (Murād, 2004:181). Menurut al-Rāziy (1981, jil. 7:25) tidak dinafikan bahawa kehebatan penciptaan lebih menonjol dalam aspek kehidupan berbanding dengan aspek kematian. al-Qarniy (1993: 240) menegaskan bahawa kehidupan lebih menampakkan tanda-tanda keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. berbanding dengan kematian. Justeru, dapat disimpulkan bahawa aspek kehidupan (ma'tūf 'alayh) lebih mulia berbanding dengan aspek kematian (ma'tūf).

Sesuatu yang lebih mulia akan didahulukan dalam ayat al-Quran berbanding yang kurang mulia (Ibn Qayyim, t.t). Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini berkaitan dengan kemuliaan, iaitu kemuliaan aspek kehidupan (ma'tūf 'alayh) melebihi kemuliaan aspek kematian (ma'tūf), maka terdapat petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* .

Ayat 4

Allah S.W.T. berfirman:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُخْرِجُ بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا﴾

Terjemahan: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya, Dia memperlihatkan kilat kepadamu untuk (menimbulkan) ketakutan dan harapan dan Dia menurunkan hujan dari langit, lalu Dia menghidupkan bumi setelah mati kering dengan hujan itu...) (surah al-Rūm 30:24).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw 'atf yang menggabungkan antara perkataan خَوْفًا (ma'tūf 'alayh) dengan perkataan طَمَعًا (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menjelaskan bahawa kejadian kilat akan menimbulkan rasa takut kerana berkemungkinan Allah S.W.T. akan menimpakan azab kepada manusia. Kejadian ini juga menghadirkan rasa mengharapkan hujan kerana berkemungkinan Allah S.W.T. akan mengurniakan kebaikan. Oleh itu manusia mengharapkan kebaikan iaitu nikmat hujan.

Elemen 'atf dalam ayat ini mengisyaratkan kepada kejadian kilat yang secara semula jadi akan menimbulkan rasa ketakutan dan mengharap dalam diri manusia. al-'Uthaymīn (2015) berpandangan bahawa ketakutan (ma'tūf 'alayh) didahulukan ke atas harapan (ma'tūf) dalam ayat berkenaan kerana pada kebiasaannya manusia akan merasa takut secara semula jadi (ma'tūf 'alayh) terhadap kilat berbanding mengharapkan hujan daripadanya (ma'tūf). Oleh yang demikian terdapat petanda keadaan semula jadi dengan makna turutan pada perkataan وَطَمَعًا.

Dalam ayat ini juga terdapat penggunaan waw 'atf yang menghubungkan antara ma'tūf 'alayh iaitu rangkai kata يُرِيكُمُ الْبَرْقَ (Dia (Allah) memperlihatkan kilat kepadamu) dengan ma'tūf iaitu rangkai kata يُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً (Dia (Allah) menurunkan hujan dari langit) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Biqā'iy (1984, jil. 15:73) kejadian kilat kebiasaannya dikaitkan dengan fenomena hujan, maka kenyataan mengenai kilat dalam ayat ini diikuti dengan rangkai kata yang mengisyaratkan kepada fenomena hujan iaitu يُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً. Kejadian kilat (ma'tūf 'alayh) secara semula jadi berlaku sebelum terjadinya fenomena hujan (ma'tūf) pada kebiasaannya (Muḥammad Abū Zahrat, t.t, jil. 10:5206; al-Muwayl, 1995:47). Oleh kerana kejadian kilat (ma'tūf 'alayh) berlaku sebelum fenomena hujan (ma'tūf) secara semula jadi, maka terdapat petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan pada kata kerja وَيُنَزِّلُ.

Ayat 5

Firman Allah S.W.T.:

﴿وَإِذَا أَدْقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ﴾

Terjemahan: (Dan apabila Kami berikan sesuatu rahmat kepada manusia nescaya, mereka bergembira dengannya (sehingga lupa daratan) dan apabila mereka ditimpa

sesuatu musibah kerana kesalahan mereka sendiri tiba-tiba mereka berputus asa) (surah al-Rūm 30:36).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw 'atf yang menggabungkan antara rangkai kata *إِذَا أَدَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا* (ma'tūf 'alayh) dengan rangkai kata *إِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ* (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menjelaskan bahawa musibah yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada manusia (ma'tūf) adalah sedikit berbanding dengan nikmat (ma'tūf 'alayh) yang banyak diberikan oleh Allah S.W.T. kepada hambanya di dunia (al-Sya'rāwiy, 1972:11443; al-Biqā'iy, 1984, jil. 15:95). Hal ini difahami berdasarkan partikel *syarṭ* yang digunakan dalam ayat di atas. Menurut al-Sya'rāwiy (1972) dan al-Biqā'iy (1984), penggunaan partikel *syarṭ* *إِذَا* dalam ma'tūf 'alayh yang berkaitan dengan pemberian nikmat menggambarkan nikmat yang banyak dan berbagai kerana partikel ini mengandungi makna pasti (التَّحْقِيقُ). Manakala penggunaan partikel *syarṭ* *إِنْ* dalam ma'tūf yang berkaitan dengan pemberian musibah menggambarkan musibah yang sedikit kerana partikel ini mengandungi makna tidak pasti (السُّكُّ) (al-Sya'rāwiy, 1972; al-Biqā'iy, 1984).

Elemen 'atf dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan susunan, iaitu susunan kuantiti nikmat (*ma'tūf 'alayh*) yang diberikan oleh Allah S.W.T. adalah lebih banyak berbanding dengan susunan kuantiti musibah (*ma'tūf*) yang sedikit. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda susunan yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ*.

Ayat 6

Allah S.W.T. berfirman:

﴿أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ﴾

Terjemahan: (Dan mengapa mereka tidak melihat bahawa Allah yang melimpahkan rezeki bagi siapa yang Dia kehendaki dan Dia juga yang menahannya (bagi siapa yang Dia kehendaki...) (surah al-Rūm 30:37).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw 'atf yang menggabungkan antara rangkai kata *أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ* (ma'tūf 'alayh) dengan kata kerja *يَقْدِرُ* (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Setelah diceritakan sifat-sifat orang kafir dalam ayat sebelumnya, Allah S.W.T. menafikan pula penelitian mendalam orang kafir terhadap ketetapan Tuhan yang berlaku kepada manusia seperti kebaikan di sebalik musibah dan penentuan

nasib manusia. Hal ini difahami melalui kata tanya *أ/* pada awal ayat di atas yang datang dalam bentuk laras tanya ingkar yang bertujuan untuk menafikan sesuatu (Ibn 'Āsyūr, 1984, jil. 21:101).

Rangkai kata *أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ* digabungkan dengan kata kerja *يَقْدِرُ* mengisyaratkan bahawa penentuan rezeki manusia seperti nasib baik, kesenangan hidup di dunia (*ma'tūf 'alayh*) dan penentuan nasib buruknya seperti kesempitan hidup (*ma'tūf*) telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. pada waktu yang sama iaitu sebelum bermulanya kehidupan manusia. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا تُطْفَعُهُ، ثُمَّ يَكُونُ عَاقِبَةً مِّثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضَعَّةً مِّثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤَمَّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: يَكْتُبُ رِزْقَهُ وَأَجَلَهُ وَعَمَلَهُ وَشَقِيٌّ أَوْ سَعِيدٌ...

Terjemahan: “Sesungguhnya telah disempurnakan penciptaan kamu semua dalam perut ibunya selama empat puluh hari dalam bentuk sperma, kemudian dia menjadi segumpal darah selama itu pula, kemudian menjadi segumpal daging selama itu pula, kemudian Allah mengutus kepadanya malaikat, kemudian ditiupkan ruh kepadanya, lalu malaikat tersebut diperintahkan untuk menulis empat perkara; untuk menuliskan rezekinya, ajalnya dan amalannya dan nasibnya (setelah mati) apakah dia celaka atau bahagia...” (al-Bukhāriy, hadis 3154; Muslim, hadis 2643).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan masa, iaitu masa penentuan rezeki manusia yang melibatkan nasib baik (*ma'tūf 'alayh*) dan nasib buruknya (*ma'tūf*) berlaku pada waktu yang sama iaitu sebelum kehidupan manusia itu bermula, maka terdapat petanda masa yang memberi makna bersama pada kata kerja *يَقْدِرُ*.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan, didapati petanda dan makna *waw 'atf* yang terdapat dalam surah al-Rūm boleh dirumuskan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Petanda dan makna *waw 'atf* dalam surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ	هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ	sebab	turutan berlawanan
السَّمَاوَاتِ	الْأَرْضِ	masa	turutan

39 | Makna Waw ‘Atf dalam Surah Al-Rūm

السَّمَاوَاتِ	مَا بَيْنَهُمَا	masa	berlawan turutan
يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ خَوْفًا	يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ طَمَعًا	kemuliaan keadaan	berlawan turutan turutan
يُرِيكُمْ الْبَرَقَ خَوْفًا وَطَمَعًا	يُنزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً	semula jadi keadaan	semula jadi turutan
إِذَا أَدْقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرَحُوا بِهَا	نُصِيبُهُمْ سَيِّئَةً يَمَا فَدَمَّتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ	susunan	turutan
أَنَّ اللَّهَ يَنْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ	يَقْدِرُ	masa	berlawan bersama

Merujuk kepada jadual yang dipaparkan, didapati makna waw ‘atf yang terdapat dalam surah al-Rūm bukanlah berfungsi menghimpunkan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* semata-mata. Terdapat waw ‘atf yang datang dengan makna turutan, turutan berlawan dan bersama. Hal ini berlaku kerana ada petanda makna waw ‘atf yang melatari ayat kajian. Waw ‘atf datang dengan makna turutan apabila *ma‘tūf* alayh mendahului *ma‘tūf* dari sudut keadaan semula jadi dan kemuliaan. Namun, waw ‘atf datang dengan makna turutan berlawan apabila *ma‘tūf* mendahului *ma‘tūf* alayh dari sudut masa, sebab dan susunan. Makna bersama berkenaan dikesan berdasarkan satu petanda makna waw ‘atf sahaja iaitu petanda masa (الزَّمان).

KESIMPULAN

Analisis terhadap waw ‘atf dalam surah al-Rūm telah menemukan implikasi bahawa al-Quran mempelbagaikan penggunaan makna waw ‘atf yang bersifat figuratif atau menunjukkan makna yang lebih abstrak yang terselindung di sebalik petanda tertentu. Petanda makna yang melatari ayat kajian berkenaan menyumbang kepada penentuan makna waw ‘atf. Justeru, pendengar akan memahami bahawa waw ‘atf mempunyai makna yang tertentu dan bukan semata menggabungkan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam sesuatu ayat. Inilah yang nyata mengenai kelebihan linguistik rabbani berbanding dengan percakapan manusia.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

‘Alī, Muḥammad ‘Abd al-Qādir al-Ṣadīq. (2014). *Hurūf al-‘Atf wa Dilālatuhā*

- bayn al-Nahwiyyīn wa al-Uṣūliyyīn*. Tesis Master. al-Khartūm: Jāmi'at al-Sūdān li al-'Ulūm wa al-Tiknūlūjiyā.
- 'Amāyirat, Ismā'il Aḥmad. (1988). *Mu'jam al-Adāwāt wa al-Damāir fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Muassasaṭ al-Risālaṭ.
- al-'Uthaymīn, Muḥammad bin Ṣāliḥ. (2015). *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm : Sūrat al-Rūm*. al-Mamlakaṭ al-'Arabiyyaṭ al-Sa'ūdiyyaṭ: Dār al-Durraṭ Li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- al-Alūsīy, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd. (2008). *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm wa al-Sab' al-Mathānī*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- al-Biqā'iy, Burhān al-Dīn Abī al-Hasan Ibrāhīm bin 'Umar. (1984). *Naẓm al-Durar Fī Tanāsib al-Āyāt Wa al-Suwar*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Islāmiyy.
- al-Bukhāriy, Muhammad bin Isma'il (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy*. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr Wa al-Tawzī'.
- al-Ghalāyīniyy, Muṣṭafā. (2015). *Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyaṭ*. ('Alī Sulaymān Syabāraṭ, Ed.). Beirut: al-Maktabaṭ al-'Iṣriyyaṭ.
- al-Ghayliy, 'Abd al-Majīd bin Muḥammad bin 'Alī. (2015). *al-Samā' Wa al-Samāwāt Fī al-Qur'ān al-Karīm*. t.tp: Mauqī' Raḥā al-Ḥarf.
- al-Ibrāhīm, Muḥammad al-Ṭayyib. (2012). *I'rāb al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-Nafā'is.
- al-Lādaqiyy, Muḥammad Tāhir (2016). *al-Nahj al-Wādiḥ fī Qawā'id al-Lughat al-'Arabiyyaṭ li al-Madāris al-Ibtidā'iyyaṭ al-Silsilaṭ al-Ūlā*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- al-Mablagh, Rajā' Aḥmad Muṣṭafā. (2003). *Nidā' al-Mu'minīn fī al-Qur'ān al-Karīm*. (Zakī Muḥammad Abū al-Sarī', Ed.). t.tp: al-Maktabaṭ al-Akādīmiyyaṭ li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- al-Maḥaliyy et al. (2010). *Tafsīr al-Jalālayn*. Kaherah: Maktabaṭ wa Maṭba'aṭ al-Mujallad al-'Arabiyy.
- al-Munāwiyy, Abd al-Ra'ūf. (1972). *Fayḍ al-Qadīr bi Syarḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, Beirut: Dār al-Ma'rifaṭ li al-Ṭibā'aṭ wa al-Nasyr.
- al-Murādiyy, al-Ḥasān bin Qāsīm. (1992). *al-Janā al-Dānī fī Ḥurūf al-Ma'ānī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- al-Muwayl, Kamāl. (1995). *Āyāt Ṭabī'iyyaṭ Fī al-Qur'ān*. t.tp: Dār al-Kutub al-'Arabiyyaṭ.
- al-Qarniyy, 'Abdullah bin Muqbil bin Zāfir (1993). *al-Munāsibāt fī al-Qur'ān al-Karīm wa Dirāsaṭ Ṭaṭbīqiyyaṭ fī Sūratay al-Fātiḥaṭ wa al-Baqaraṭ min Tafsīr al-Fakhr al-Rāziyy*. Tesis Master. Makkaṭ al-Mukarramaṭ: Jāmi'at Umm al-Qurā.
- al-Rāziyy, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn. (1981). *al-Tafsīr al-Kabīr wa Maḥāṭib al-Ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Suyūṭiyy, Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān Abu Bakr. (1988). *Mu'tarak al-Aqrān fī I'jāz al-Qur'ān*. (Aḥmad Syams al-Dīn, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- al-Sya'rāwiyy, Muḥammad Mutawalliyy. (1972). *Tafsīr al-Sya'rāwiyy*. Miṣr:

- Matābi' Dār Akhbār al-Yawm.
- al-Syarbīniy, Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb. (1971). *Tafsīr al-Khaṭīb al-Syarbīniy al-Musammā al-Sirāj al-Munīr fī al-I'ānat 'alā Ma'rifaṭ Ba'ḍ Ma'anī Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīb*. (Ibrāhīm Syams al-Dīn, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- al-Talab, Asmā' Yaḥyā 'Abd al-Karīm. (2012). *'Atf al-Nasq fī Namādhij min Āy al-Dhikr al-Ḥakīm*. Tesis Master. Sūdān: Jāmi'at al-Jazīrat.
- al-Ṭawīl, Muḥammad Sāmī Šālih. (2009). *Dilālat Hurūf al-'Atf wa Atharuhā fī Ikhtilāf al-Fuqahā'*. Tesis Master. Nāblus: Jāmi'at al-Najāh al-Waṭaniyyaṭ.
- al-Zamakhsyariy, Abū al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd bin 'Umar. (2009). *Tafsīr al-Kasasyāf*. (Khalīl Ma'mūn Syīḥā, Ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifaṭ.
- Ballfuḍayl, Syahīnāz. (2017) *Min Ma'anī al-Waw fī al-Qur'an al-Karīm : Sūrat al-Baqarat Unmūdhajan*. Tesis Master. Algeria: Jāmi'at Abū Bakr Bilqayd.
- Danial, Zainal Abidin. (2014). *Quran Saintifik*, Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ḥardān, Šafā' 'Abdullah Nayf. (2008). *al-Waw wa al-Fā' wa Thumma fī al-Qur'an al-Karīm : Dirāsāt Naḥwiyyaṭ Dilāliyyaṭ Iḥsaiyyaṭ*. Tesis Master. Nāblus: Jāmi'at al-Najāh al-Waṭaniyyaṭ.
- Ḥasan, 'Abbās. (1974). *al-Naḥw al-Wāfiy*. Miṣr: Maṭābi' Dār al-Ma'ārif.
- Ibn 'Aqīl, Bahā' al-Dīn 'Abdullah. (1980). *Syarḥ Ibn 'Aqīl*. (Muḥammad Maḥyī 'Abd al-Ḥamīd, Ed.). Kaheerah: Dār al-Turāth.
- Ibn 'Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhir. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-Tūnisiyyaṭ li al-Nasyr.
- Ibn Hisyām (a), Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāluddīn. (2008). *Awḍaḥ al-Masālik ilā Alfīyyaṭ Ibn Mālik*. (Barakāt Yūsuf Habbūd, Ed.). Dimasyq: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn Hisyām (b), Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāluddīn. (2013). *Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Ball al-Šadā*. (Muḥammad Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd, Ed.). Beirut: al-Maktabaṭ al-'Aṣriyyaṭ.
- Ibn Hisyām (c), Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāluddīn. (2010). *Mughnī al-Labīb 'an Kutub al-A'ārib*. (al-Dusūqiy, Ed.). Kaheerah: Dār al-Salām.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyaṭ, Abū 'Abdullah Muḥammad bin Abū Bakr al-Dimasyqiy (t.t). *Badāi' al-Fawā'id*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiy.
- Ibn Sīdah, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'il. (1996). *al-Mukhaṣṣaṣ*. (Khalīl Ibrāhīm Jaffāl, Ed.). Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy.
- Ibn Taymiyyaṭ al-Ḥarrāniy, Taqiy al-Dīn Aḥmad. (1998). *Takhrīj Ahādīth Majmū'at al-Fatāwā*. (Marwān Kujuk, Ed.). Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Md. Isa Hashim. (2009). *Penggunaan Partikel 'Atf dalam Bahasa Arab : Satu Analisis Dalam Surah Al-Kahf*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muḥammad Abū Zahraṭ. (t.t). *Zahraṭ al-Taḥāsīr*. Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabiy.
- Muḥammad, Hādiyaṭ 'Abd al-Raḥman al-Syaykh. (2009). *al-'Atf Anwā'uhu wa Ma'anīhi (Ma'a Dirāsāt Taṭbiqiyyaṭ fī Sūrat al-Baqarat)*. Tesis

42 | *Makna Waw ‘Aṭf dalam Surah Al-Rūm*

- Master. Sūdān: Jāmi‘at Kurdufān.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi Bahasa dalam Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murād, Muṣṭafā. (2004). *Kayf Tahfāz al-Qur‘ān*. Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth.
- Muslim, Abu al-Ḥusayn bin Hajjāj al-Naysābūriy (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. sunt. Abu Qutaybah Naẓar Muhammad al-Farayābiy. Riyād: Dār Ṭibah.
- Rokiah Abu Talib. (2006). *Ḥurūf al- ‘Aṭf fī sūrat al-Baqarat : Dirasat Taṭbiqiyyat Tahliyyat*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sa‘īd Ḥawwā. (1985). *al-Asās fī al-Tafsīr*. t.tp: Dār al-Salām.
- Zahazan Bin Mohamed. (2001). *al-Faṣl dan al-Waṣl : Satu Analisis Dalam Surah Al-Mulk*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Hakim Kamal
Calon Sarjana Sastera
Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah
Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.
E-mail: kimkml1994@gmail.com

Mohamad Hussin (PhD.)
Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah
Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.
E-mail: mohamadhussin@um.edu.my